

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyelaraskan bayaran pencen kepada bekas Ahli Parlimen seiring dengan kenaikan elaun Ahli Dewan Rakyat dalam Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 2015 serta jumlah bekas Ahli Parlimen yang menerima pencen pada ketika ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelarasan pencen kepada Ahli Parlimen yang telah berhenti adalah tertakluk kepada perenggan 20 (1), Perintah Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan Jadual Pertama) 2015 yang memperuntukkan;

“ 20. (1) Apa-apa pencen yang diberikan di bawah perenggan 2 atau pencen terbitan yang diberikan di bawah perenggan 5 atau 6 hendaklah diselaraskan setiap tahun dengan kenaikan sebanyak dua peratus dan hendaklah dibayar mulai Januari setiap tahun.”

Cara penyelarasan ini telah dikuatkuasakan secara kebelakangan mulai 1 Januari 2014 dan tunggakan telah pun dibayar. Sementara itu, jumlah pesara Ahli Parlimen yang sedang menerima pencen serta penerima pencen terbitan adalah seramai 1,389 orang.

Sekian. Terima kasih.